



Program Pengajian Pasca-Siswazah diilhamkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi menggabungkan inisiatif MyBrain 2.0 dan Geran Padanan YTL Cement bagi pelajar pintar meneroka misteri landskap kars batu kapur tropika.

The Post-Graduate Study Programme was inspired by the Honorable Minister of Higher Education combining the MyBrain 2.0 initiative and matching grant YTL Cement for bright students to explore the mysteries of the tropical limestone karst landscape.



PROGRAM PENGAJIAN PASCA-SISWAZAH

MYBRAIN 2.0 - KONSORTIUM

2024 2028

Penyelidikan
Universiti-Industri
Kelestarian Landskap
Kars Batu Kapur
Tropika

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

BUILDS dan GEOPARK & GEOTOURISM
CREATIVE SOLUTIONS SDN BHD



<https://bcre.my>



<https://uirc.my/>

Urusetia:

GEOPARK & GEOTOURISM CREATIVE
SOLUTIONS SDN BHD
Lot 3-Level 3, Wisma SDARA,
No. 3, Jalan Seri Putra 1/6, Bandar Seri Putra,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia
Tel: (+60) 3 8920 3506
Email: consortium.ggcs@gmail.com

Pengenalan

Introduction





Water Cave,
Gunung Lanno

Konsortium Penyelidikan Universiti-Industri mengenai kelestarian landskap kars (batu kapur) tropika berhasrat memperkayakan pengetahuan mengenai Sains Kelestarian sumber bumi penting negara daripada perspektif mengimbangi keperluan sumber dan kepentingan memulihara warisan alam. Wawasan konsortium telah diterajui industri, khususnya YTL Cement, untuk menggalakkan penyelidikan multi- dan trans-disiplin melalui penyelidikan gunaan dan pasca-siswazah.

Program pertama untuk melaksanakan wawasan ini ialah Program Pascasiswazah, berasaskan perkongsian pintar antara JPT-KPT dan YTL Cement, dan kerjasama lima universiti awam Malaysia. Industri menyediakan geran padan bagi membolehkan jumlah biasiswa MyBrain 2.0 digandakan.

The University-Industry Research Consortium on sustainability of tropical (limestone) karst landscape intends to enrich the knowledge on the Sustainability Science of the country's vital earth resources from the perspective of balancing resource needs and the importance of preserving natural heritage. The vision of the consortium has been led by industry, particularly YTL Cement, to encourage multi- and trans-disciplinary research through applied research and postgraduates.

The first programme to implement this vision is the Postgraduate Programme, based on a smart partnership between JPT-KPT and YTL Cement, and the collaboration of five Malaysian public universities. The industry provides a matching grant to double the number of MyBrain 2.0 scholarships.

Fulvous Forest Skimmer
Neurothemis fulvia



Memorandum Persefahaman

Antara Kerajaan Malaysia diwakili oleh Jabatan Pendidikan Tinggi dan Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd.

Bagi melaksanakan program pengajian siswazah melalui Konsortium Penyelidikan Universiti-Industri ini, sebuah memorandum persefahaman antara Jabatan Pendidikan Tinggi dan Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd. telah dimeterai pada 26 Oktober 2023.

JPT dan APMC akan bekerjasama untuk melaksanakan penyelidikan di dalam bidang kars tropika melalui Konsortium Penyelidikan yang dianggotai oleh universiti-universiti terpilih. JPT dan APMC akan menaja pelajar sarjana dan doktor falsafah untuk melaksanakan penyelidikan dalam pelbagai bidang berkaitan dengan landskap kars tropika untuk tempoh lima tahun.

Pembiayaan untuk inisiatif ini adalah melalui penajaan oleh Kerajaan dengan geran sepadan daripada APMC, iaitu kos pelaksanaan inisiatif ini dikongsi bersama secara sama rata. Pelaksanaan akan dipantau oleh jawatankuasa pemandu untuk menentukan halatuju dasar sementara urusan kelulusan pembiayaan akan dilaksanakan oleh jawatankuasa saintifik yang diwakili oleh JPT, YTL dan wakil universiti peneraju.

Pertukaran MoU antara Prof. Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah JPT dan Dato' Hamidah Binti Maktar Pengarah Eksekutif, YTL Land & Development BHD



Memorandum of Understanding

Between Malaysian Government represented by the Department of Higher Education and Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd.

In order to implement the graduate study programme through the University-Industry Research Consortium, a memorandum of understanding between the Department of Higher Education and Associated Pan Malaysia Cement Sdn. Bhd. was signed on October 26, 2023.

JPT and APMC will work together to carry out research in the field of tropical karst through a Research Consortium made up of selected universities. JPT and APMC will sponsor Master and PhD students to carry out research in various fields related to the tropical karst landscape for a period of five years.

Funding for this initiative is through sponsorship by the Government with a matching grant from APMC, i.e. the cost of implementing this initiative is shared equally. Implementation will be monitored by a steering committee to determine policy direction while funding approval matters will be implemented by a scientific committee represented by JPT, YTL and representatives of leading universities.



MoU sempena Majlis Pelancaran MyBrain 2.0 oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi



Penara Kars
Bukit Kantan
Bukit Kantan
Karst Tower


Mengapa Landskap Kars Batu Kapur Tropika?

Why Tropical Limestone Karst
Landscape?



Bukit batu kapur atau landskap kars tropika yang unik dan berpandangan indah, sering mendapat perhatian awam. Landskap kars juga sangat kaya dengan warisan biologi, sejarah dan arkeologi. Kehadiran landskap kars di Malaysia sangat terbatas, kurang 3%, dan kegunaan sebagai sumber binaan dan industri yang penting menyebabkan utilisasi sumber berhadapan dengan konflik berterusan antara pemain industri dengan masyarakat awam.

Penyelidikan ini membolehkan maklumat pelbagai dimensi digunakan oleh pihak perancang dan pembuat dasar menentukan kesesuaian sumber untuk pemuliharaan warisan atau utilisasi lestari. YTL Cement mempunyai tanggungjawab bagi memastikan kelestarian Landskap Kars Batu Kapur Tropika terus terpelihara, sementara kepentingan bersaing negara terus dipertahankan.



Limestone hills or tropical karst landscapes that are unique and beautiful, often attract public attention. The karst landscape is also very rich in biological, historical and archaeological heritage. The presence of karst landscapes in Malaysia is very limited, less than 3%, and its use as an important construction and industrial resource causes resource utilisation to face continuous conflicts between industry players and the public.

This research allows multi-dimensional information to be used by planners and policy makers to determine the suitability of resources for heritage conservation or sustainable utilisation. YTL Cement has a responsibility to ensure the sustainability of the Tropical Limestone Karst Landscape continues to be preserved, while the country's competitiveness continues to be maintained.



Takik Berganda
Multiple Notch

Biasiswa Ijazah Pascasiswazah

Postgraduate Degree Scholarship



Alocasia farisii



Biasiswa Ijazah Pascasiswazah ialah program perintis yang akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun (2024-2028). Program ini melibatkan kerjasama pintar antara YTL Cement dan JPT berdasarkan geran padanan terhadap biasiswa MyBrain 2.0. Melalui MoU, JPT bersetuju untuk menyediakan biasiswa tahunan khas untuk penyelidikan pasca siswazah dalam pelbagai bidang untuk meneroka ilmu mengenai kelestarian landskap batu kapur kars tropika.

YTL Cement pula bersedia untuk memberikan geran padanan yang sama bagi menggandakan jumlah pelajar pasca-siswazah yang menjalankan penyelidikan penting ini. Bagi memastikan biasiswa ini menarik minat pelajar dan penyelia cemerlang, Biasiswa Ijazah Pascasiswazah ini akan ditambah dengan pembiayaan penyeliaan dan dana khas pengajian, khususnya untuk penyelidikan lapangan.

Bagi memastikan hanya pelajar cemerlang dan berdedikasi menerima biasiswa ini, satu Jawatankuasa Saintintik terdiri daripada pakar bidang dan wakil JPT-KPT serta universiti peneraju Konsortium Universiti-Industri akan membuat pemilihan, selepas calon mendapat tempat pengajian masing-masing.

Endapan Batu Alir
Flowstone Deposition

The Postgraduate Degree Scholarship is a pilot programme that will be implemented over a five year period (2024-2028). This programme involves a smart collaboration between YTL Cement and JPT based on a matching grant for the MyBrain 2.0 scholarship. Through the MoU, JPT agrees to provide yearly scholarships especially for postgraduate research in various fields to explore knowledge about the sustainability of the tropical limestone karst landscape.

YTL Cement is prepared to provide a matching grant to double the number of postgraduate students undertaking these important researches. To ensure that this scholarship attracts excellent students and supervisors, the Postgraduate Degree Scholarship will be supplemented with supervision funding and a special study fund, especially for field research.


To ensure that only outstanding and dedicated students receive this scholarship, a Scientific Committee consisting of field experts and representatives of JPT-KPT, as well as leading universities of the University-Industry Consortium, will make the selection after the candidates have received their respective places of study.



Dolina Tasik Cermin
Tasik Cermin Doline

Mengenai Biasiswa

About the Scholarship



1 Yuran Pengajian Tuition Fees

Bayaran kepada universiti berasaskan jumlah yang ditetapkan oleh universiti.

Payment to the university is based on the amount set by the university.

2 Bayaran Sarahidup Living Allowance

Bayaran berasaskan jumlah yang ditentukan oleh MyBrain 2.0.

Payment is based on the amount determined by MyBrain 2.0.

3 Elaun Kajian Lapangan Field Study Allowance

Elaun kajian lapangan untuk keperluan asas, terhad kepada tuntutan di bawah RM3,000 setahun

Field study allowance for basic needs, limited to claims under RM3,000 annually

4 Elaun Penyeliaan Supervisory Allowance

Elaun Penyeliaan berasaskan tuntutan tidak melebihi RM5,000 setahun.

Claim-based Supervision Allowance not exceeding RM5,000 per year.

Bidang Penyelidikan Fokus

Focus Research Areas



Taman Georimba
Kars Kilim
Kilim Karst
Geoforest Park



Penyelidikan
Research

1



Kepelbagaian Geologi dan Lanskap Kars Batu Kapur Tropika (Warisan Alam)

Geological Diversity and Landscape of Tropical Limestone Karst Landscape (Natural Heritage)

Penyelidikan
Research

2



Kepelbagaian Biologi dan Ekosistem Lanskap Kars Batu Kapur Tropika (Ekosistem dan Alam Sekitar)

Biological Diversity and Ecosystems of Tropical Limestone Karst Landscape (Ecosystems and Environment)

Penyelidikan
Research

3



Arkeologi, Sejarah dan Budaya berkaitan Lanskap Kars Batu Kapur Tropika (Warisan Budaya)

Archaeology, History and Culture related to Tropical Limestone Karst Landscape (Cultural Heritage)

Penyelidikan
Research

4



Pengurusan Lestari Sumber Batu Kapur (Industri Pembinaan)

Sustainable Management of Limestone Resources (Construction Industry)

Penyelidikan
Research

5



Penggunaan Lestari Lanskap Kars Batu Kapur Tropika untuk Pemuliharaan dan Pendidikan Awam (Pelancongan Ilmu)

Sustainable use of Tropical Limestone Karst Landscape for Conservation and Public Education (Knowledge Tourism)

PANDUAN PERMOHONAN

Program Biasiswa Konsortium Penyelidikan Universiti-Industri Kelestarian Landskap Kars Batu Kapur Tropika dikhususkan untuk pengajian peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di universiti awam terpilih dalam negara dengan keutamaan diberikan kepada pelajar dalam bidang tujahan (niche) yang berkait dengan Batu Kapur Tropika seperti berikut:

- Warisan Alami
- Ekosistem dan Alam Sekitar
- Warisan Budaya
- Industri Pembinaan
- Pelancongan Ilmu

Kemudahan Biasiswa

Pelajar akan mendapat kemudahan biasiswa berasaskan kepada kelayakan yang ditetapkan oleh MyBrain 2.0 daripada KPT. Bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan lapangan, elaun tambahan akan diberi untuk kerja luar dan penyeliaan.

Syarat dan Cara Permohonan

Pemohon yang layak memohon bagi program penajaan ini adalah pelajar peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di universiti awam terpilih dengan syarat dan cara permohonan seperti berikut:

- Pelajar dari kalangan Warganegara dengan lelasan ijazah pertama (CGPA 3.0 dan ke atas)
- Telah mendaftar dan mendapat surat tawaran dari universiti awam terpilih
- Tidak mendapat penajaan dari mana-mana tajaan dari agensi biasiswa yang lain

- Permohonan adalah secara atas talian menerusi laman sesawang rasmi di <https://uirc.my/>

Setiap pemohon yang disenarai pendek akan ditemuduga bagi memastikan hanya calon yang benar-benar layak sahaja diberikan penajaan.


Tarikh Permohonan

Permohonan Program Biasiswa Konsortium Penyelidikan Universiti-Industri Kelestarian Landskap Kars Batu Kapur Tropika ini dijangkakan akan dibuka bermula Februari 2024. Sebarang maklumat rasmi berkenaan hal ini akan kami umumkan dari semasa ke semasa.

Maklumat Lanjut

Untuk anda yang menginginkan maklumat tambahan berkenaan Program Biasiswa Konsortium Penyelidikan Universiti-Industri Kelestarian Landskap Kars Batu Kapur Tropika ini, anda boleh mendapatkannya melalui laman sesawang rasmi di <https://uirc.my/>

Imbas kod QR ini untuk dapatkan maklumat lanjut tentang konsortium dan memuat turun borang permohonan



APPLICATION GUIDELINES

The Scholarship Program of the University-Industry Research Consortium for the Sustainability of the Tropical Limestone Kars Landscape is dedicated to Master's and Doctor of Philosophy (PhD) level studies at selected public universities in the country with priority given to students in the thrust field (niche) related to Tropical Limestone as follows :

- Natural Heritage
- Ecosystem and Environment
- Cultural Heritage
- Construction industry
- Knowledge tourism

Scholarship Facility

Students will get scholarship facilities based on the qualifications set by MyBrain 2.0 from KPT. To encourage field research activities, additional allowances will be given for field work and supervision.

Terms and Conditions of Application

Applicants who are eligible to apply for this sponsorship program are Master's and Doctor of Philosophy (PhD) level students at selected public universities with the following application conditions and methods:

- Students from among Citizens with a first degree (CGPA 3.0 and above)
- Have registered and received an offer letter from a selected public university
- Not getting sponsorship from any sponsorship from other scholarship agencies
- Application is online through the official website at <https://uirc.my/>

Each shortlisted applicant will be interviewed to ensure that only truly qualified candidates are granted sponsorship.


Date of Application

Application for the University-Industry Research Consortium Scholarship Program for the Sustainability of the Tropical Limestone Kars Landscape is expected to open from February 2024. We will announce any official information regarding this from time to time.

More Information

For those of you who want additional information about the University-Industry Research Consortium Scholarship Program for Tropical Limestone Kars Landscape Sustainability, you can get it through the official website at <https://uirc.my/>

Scan this QR code for more information on the consortium and to download the application form





Kars Mulu
Mulu Karst